

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang Dihormati,

Lembaran Pendedahan Produk (LPP) ini mengandungi maklumat penting mengenai insurans hayat anda. Pelanggan lain turut membaca LPP ini dan mendapati ia berguna; **anda juga patut membacanya**. LPP ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan berdasarkan lelaki sihat berumur 30 tahun yang tidak merokok



Tarikh: <<Tarikh Cetakan>>

1 Apakah Zurich Direct Term?

Zurich Direct Term menyediakan perlindungan terhadap Kematian dan Hilang Upaya Keseluruhan dan Kekal (HUKK) selama **15** tahun. Pelan ini adalah pelan perlindungan semata-mata dan tidak mempunyai sebarang unsur simpanan atau pelaburan.

2 Kenali Perlindungan / Manfaat Anda

Sebagai ilustrasi, untuk **RM 1,325.00** tahunan, anda akan menerima **perlindungan** insurans berikut:

Manfaat Kematian / HUKK	RM 500,000
-------------------------	-------------------

Nota: Sila rujuk contoh kontrak dan kontrak tambahan untuk senarai penuh mengenai terma dan syarat.

Manfaat-manfaat yang dibayar adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk brosur PIDM TIPS atau hubungi Zurich Life Insurance Malaysia Berhad atau PIDM (visit www.pidm.gov.my).

Insurans hayat anda **mengecualikan**:

- Kematian - Jika disebabkan bunuh diri dalam tempoh 1 tahun, hanya premium yang telah dibayar akan dipulangkan.
- HUKK - Keadaan perubatan yang anda alami, atau mengalami simptom, sebelum membeli pelan ini (iaitu penyakit sedia ada).

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Anda hendaklah merujuk kepada polisi dan kontrak tambahan untuk senarai penuh pengecualian.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai insurans hayat anda, anda boleh:



Hubungi kami di
1-300-888-622



Layari kami di
[laman web kami](#)



E-mel kami di
callcentre@zurich.com.my

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk insurans hayat ini, anda mesti membayar premium sebanyak:	
Premium	RM 1,325.00 (tahunan)
Tempoh: 15 years	
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
Komisen	Tiada komisen kerana ini adalah produk pengedaran langsung, tiada perantara yang terlibat.
Caj lain yang berkenaan	Cukai – Premium dan yuran tertakluk kepada cukai atau levi kerajaan lain, jika berkenaan.

4 Syarat-syarat Utama Lain

- Anda mesti mendedahkan semua fakta material seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur anda dengan betul. Jika tidak, anda mungkin berisiko tuntutan anda ditolak atau polisi ditamatkan.
- Tempoh Ihsan premium selama 31 hari dari tarikh tamat tempoh premium akan dibenarkan untuk pembayaran setiap premium.
- Pembayaran premium selepas tempoh ihsan premium mungkin menyebabkan polisi luput dan boleh menjejaskan pembayaran manfaat masa depan.
- Premium bagi pelan ini adalah terjamin.

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Anda hendaklah merujuk polisi dan kontrak tambahan bagi senarai penuh terma dan syarat.

? Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Ya, anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberi notis bertulis kepada kami.

- **Tempoh Bertenang:** Anda boleh membatalkan polisi anda dalam tempoh 15 hari selepas polisi anda dihantar kepada anda. Premium yang telah anda buat akan dikembalikan kepada anda.
- **Pembatalan/Penyerahan:** Selepas Tempoh Bertenang, anda boleh membatalkan polisi dengan memberikan notis bertulis kepada kami.

Zurich Life Insurance Malaysia Berhad (No. Pendaftaran 196801000442 (8029-A)) didaftarkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Lampiran: Kadar Premium Bulanan Pelan 6 (Jumlah Diinsuranskan Asas RM 500,000) bagi Beberapa Sampel Umur

Umur Kemasukan (Hari Jadi yang Lepas)	Premium Bulanan (RM)					
	Tempoh Perlindungan					
	5 Tahun	10 Tahun	15 Tahun	5 Tahun	10 Tahun	15 Tahun
	Lelaki			Perempuan		
20	82.35	90.45	96.30	67.95	72.45	76.05
30	83.70	100.35	119.25	77.85	82.35	100.35
40	130.50	171.45	235.80	120.15	157.95	208.35
50	340.65	418.95	552.15	278.55	367.65	502.65